

**WEBINAR HASIL SIRI 1/2023**  
**PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA (PKPS) 2.0**  
**13 JULAI 2023**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Untuk buat pengakuan sukarela apa dokumen diperlukan dan apakah prosedurnya?	<p>Bagi pembayar cukai baharu dan pembayar cukai sedia ada yang gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pengemukakan BNCP wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam talian mengikut tahun taksiran. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukakan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.</p> <p>Bagi pembayar cukai sedia ada yang telah mengemukakan BNCP sebelum ini dan mempunyai pendapatan tambahan untuk dilaporkan, pengemukakan sukarela adalah dengan melengkapkan Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan yang boleh dimuat naik di portal rasmi LHDNM (<a href="https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/">https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/</a>) dan mengemukakan borang yang telah lengkap diisi bersama pengiraan cukai melalui aplikasi MyTax. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
2.	Jika pembayar cukai ingin menyertai PKPS 2.0 adakah kami perlu pergi mana2 cawangan atau cawangan yang terpilih sahaja? Mohon maklum.	
3.	How the business can apply for this PKPS relief?	
4.	Cara isi borang sama seperti penghantaran e-filing biasa ke? Siapa yg perlu buat pengakuan? Warganegara/Bukan warganegara?	
5.	Kalau dah dapat J form boleh masuk PKPS 2.0. apa procedure dia.	
6.	For company that received Notice of Assessment (Form J) can join for the SVPD?	
7.	Saya bekerja dan pembayar cukai sekarang ni. Pada tahun 2018 saya membuka enterprise company utk homestay dan lain2 perniagaan. Selepas PKP baru ada income. Bagaimana saya boleh declare income ini	

8.	Kalau dah dapat surat minta dokumen awal utk beberapa TT, tapi LHDN belum jumpa findings / keluarkan surat penemuan audit - boleh join SVDP 2.0?	Sekiranya pembayar cukai telah menerima surat memohon dokumen daripada LHDNM bagi tahun taksiran berkaitan, pembayar cukai adalah tidak layak menyertai PKPS 2.0 kerana audit dianggap telah bermula bagi tahun-tahun taksiran tersebut.
9.	Document submitted to the IRB many years ago and case remained open in IRB system. IRB replied not allocated yet/ audit hasnt commenced/ not reviewed yet. Can taxpayer take part in SVDP?	Pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0 sekiranya tindakan audit belum bermula. Maksud audit bermula boleh dirujuk didalam Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuatkuasa.
10.	Kalau syarikat sudah submit SVDP pada 15 July 2023 (example tarikh), then lepas itu (example: 2 minggu nanti) dapat LHDN surat audit, bagaimana kita nak hadapi situation ini?	Pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri yang mengendalikan fail pembayar cukai bagi mengetahui status tindakan audit.
11.	Can tax agents submit SVDP manually on behalf of taxpayers - instead of logging in to our personal MyTax for submission on behalf of taxpayer?	<p>Pengakuan sukarela hendaklah dibuat melalui kaedah berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pembayar cukai baharu: Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF.</li> <li>b. Pembayar cukai sedia ada: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Tidak mengemukakan BNCP. Ejen cukai perlu mengemukakan BNCP melalui Sistem TAeF.</li> <li>ii. Telah mengemukakan BNCP namun terdapat pendapatan yang tidak dilaporkan. Ejen cukai perlu log masuk ke Portal MyTax untuk mengemukakan Borang Pelaporan Pertambahan</li> </ol> </li> </ol>

		<p>Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai dengan menggunakan ID individu dan memilih Kategori Ejen Cukai.</p> <p>Ejen cukai perlu memasukkan maklumat pembayar cukai dengan memastikan maklumat pembayar cukai adalah tepat dan seterusnya memuat naik Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 dan pengiraan cukai. Pengiraan cukai hanya perlu dikemukakan oleh pembayar cukai kategori fail syarikat, perniagaan dan perkongsian.</p>
12.	If I notice that my partnership income was reported wrongly, am I need to submit 3 SVDP submissions (1 for partnership and 2 for individual partners)?	Pengakuan sukarela bagi pendapatan perkongsian hendaklah dibuat atas fail perkongsian dan mendapat persetujuan daripada semua ahli kongsi. Kadar penalti di bawah PKPS 2.0 ini layak dinikmati oleh setiap ahli kongsi yang juga memilih untuk menyertai PKPS 2.0.
13.	Jika tiada cukai pendapatan kena dibayar selepas pengiraan cukai, boleh menyertai program ini lagi tak kerana nak membawa capital allowance and loss ke TT yang kemudiannya.	PKPS 2.0 ini hanya terpakai kepada pengakuan sukarela yang menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan ke atas pembayar cukai kecuali bagi kes harga pindahan.
14.	Kalau pernah diaudit, layak untuk PKPS2.0?	
15.	Can we participate for the years which have been audited previously and already obtained clearance from IRB	Bagi kes dimana audit telah diselesaikan bagi tahun-tahun taksiran yang berkaitan, pembayar cukai boleh menyertai PKPS 2.0.
16.	Kalau syarikat tersebut dapat surat audit LHDN, tidak boleh join SVDP. Kalau surat penemuan audit diselesai	

	sebelum SVDP 2.0 tamat, bolehkah syarikat join SVDP untuk TT yg tidak diaudit? TQ.	
17.	Untuk buat pengakuan sukarela bagi pelupusan hartanah, borang apa perlu digunakan dan bagaimana prosedurnya?	<p>Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi telah melupuskan aset, Borang Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa, sama ada secara e-CKHT atau BNCKHT manual.</p> <p>Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi terdapat BNCKHT yang tidak dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran yang lain BNCKHT perlu dikemukakan dalam tempoh pelaksanaan PKPS 2.0 dengan melaporkan pelupusan aset yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa sama ada secara e-e-CKHT atau BNCKHT manual.</p> <p>Pengemukakan BNCKHT digalakkan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-CKHT di Portal MyTax. Manakala bagi BNCKHT manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pelupus atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCKHT manual boleh dimuat turun dan dicetak daripada Portal Rasmi LHDNM</p>
18.	Adakah LHDN akan keluarkan surat penyelesaian utk PKPS 2.0 yg menyatakan tiada tindakan audit utk TT berkenaan?	Surat PKPS 2.0 akan dikeluarkan bersama-sama notis taksiran / taksiran tambahan bagi pengakuan sukarela yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

19.	If I am a company that has many years of assessment and didn't declare for ITRF, can I use the SVDP to submit Form C? How about the case whereby the company has already been estimated a tax by LHDN branch?	<p>Bagi pembayar cukai baharu dan pembayar cukai sedia ada yang gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP), perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pengemukakan BNCP wajib dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing di Portal MyTax bagi BNCP yang telah tersedia dan boleh diakses secara dalam talian mengikut tahun taksiran. Bagi BNCP yang sudah tidak boleh diakses secara dalam talian, pengemukakan BNCP manual hendaklah dikemukakan ke Pejabat LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai atau ke Pejabat LHDNM yang berhampiran. BNCP manual boleh dimuat turun dan dicetak dari Portal Rasmi LHDNM.</p> <p>Bagi kes yang mana taksiran anggaran telah dibangkitkan, sekiranya pendapatan yang dilaporkan dalam BNCP dalam tempoh PKPS 2.0 ini lebih tinggi, maka perbezaan dianggap sebagai pengakuan sukarela.</p>
20.	My personal tax was underpaid based on the re-computation by another tax agent in year 2022. Can I use this SVDP to declare again	Pelaporan pengakuan sukarela bagi tahun taksiran 2022 dalam tempoh PKPS 2.0 hanya terpakai kepada pembayar cukai baharu sahaja. Dalam situasi ini, pembayar cukai perlu melaporkan pendapatan yang terkurang lapor bagi tahun taksiran yang berkenaan dan kadar penalti adalah berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai yang berkuat kuasa.
21.	Taxpayers submitting back year of assessment return forms must use MyTax portal. Taxpayer not able to indicate to IRB this is done under SVDP 2.0. How to notify IRB.	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
22.	Tax agent help new taxpayer to file Forms YA22 and prior years through TAEF, upon filing, does tax agent need to inform IRB, or IRB will automatically process, then issue Form J and tax clearance?	

23.	For existing taxpayer who fails to submit the tax return form for 3 year (lets say). now the taxpayer file in all the return form. how long LHDN will notice taxpayer whether approved under SVDP 2.0?	Bagi pembayar cukai / ejen cukai yang telah mengemukakan pengakuan sukarela melalui BNCP / BNCKHT secara e-Filing dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pembayar cukai boleh menghubungi LHDNM Negeri / Cawangan Khas yang berdekatan untuk mendapatkan Surat Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0.
24.	Tax agent submit undeclared prior year Forms for client via TAEF. After that, need to inform IRB, or IRB will automatically issue Form J and tax clearance after process?	
25.	Taxpayer uses means test and there are omitted income. Taxpayer cannot separately identify the type/source of omitted income. How to fill up the AIRF form as it requires segregation of income?	Pembayar cukai perlu mengenalpasti sumber pendapatan yang berkenaan bagi tujuan pelaporan pendapatan tambahan di bawah PKPS 2.0.
26.	Would the IRB consider signing a Form X1/X2 for taxpayer who participate?	Tidak.
27.	If VD on deductibility expenses matter and IRB accepted at good faith. Can IRB carry transfer pricing audit on the Years of Assessment involved?	Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
28.	There are taxpayers who has already submitted their YA2022 returns such as those with June year ends. Can IRB consider extending the VA to such taxpayers for YA2022?	Tahun taksiran yang terlibat bagi PKPS 2.0 adalah seperti berikut:- a. Pelaporan pendapatan oleh <b>pembayar cukai baharu</b> adalah bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.
29.	Will IRB extend SVDP 2.0 to cover YA 2022 for existing taxpayers?	b. Pelaporan pendapatan oleh <b>pembayar cukai sedia ada</b> bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.

30.	Will IRB consider allowing SVDP for YA2022 for taxpayers who has already submitted the tax return.	<p>c. Pelaporan <b>pelupusan aset</b> bagi tahun taksiran 2022 dan ke belakang.</p> <p>d. <b>Penyeteman dokumen / perjanjian</b> bagi perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.</p>
31.	Para 5.10 of guidelines – no audit/investigation in future on the YA SVDP is made. Para 15 of FAQ – no audit/investigation on the income declared voluntarily. Please confirm which statement is correct	<p>LHDNM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dengan suci hati. Walau bagaimanapun, <b>semakan pengiraan cukai</b> (<i>mathematical / calculation error</i>) akan dilakukan bagi memastikan ketepatan pengakuan sukarela yang dikemukakan.</p> <p>Tindakan audit / siasatan tidak akan dilakukan <b>pada masa akan datang</b> bagi tahun taksiran di mana pengakuan sukarela dibuat. Walau bagaimanapun tindakan audit / siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat sekiranya <b>bayaran cukai</b> atas pengakuan sukarela <b>gagal</b> dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan.</p>
32.	For company has been select for compound case by Unit Undang-Undang due to no submission of tax return, can the company go to SVDP?	Pembayar cukai layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
33.	Kenapa kategori majikan dikecualikan dalam program pkps?	Kategori fail majikan tidak termasuk dalam skop PKPS 2.0 kerana PKPS 2.0 memberi fokus kepada penalti pelaporan pendapatan yang tertakluk kepada cukai.
34.	Boleh satu kemudahan online semasa mengisi borang BE dihasilkan supaya pembayar cukai boleh upload	Borang BE boleh dikemukakan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Filing dan dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan. Dibawah Sistem Taksir Sendiri, kewajipan untuk

	salinan semua resit berkeajaan untuk rujukan LHDN supaya tidak di panggil untuk audit selalu?	menyimpan dokumen dengan lengkap dan teratur adalah dibawah tanggungjawab pembayar cukai.
35.	Sebagai HR, bagaimana nak sampaikan info pkps 2.0 kepada pekerja?	Pembayar cukai / orang awam boleh merujuk maklumat berkeajaan PKPS 2.0 melalui pautan berikut:- a. Garis Panduan Operasi Bil.2 Tahun 2023 dan Soalan Lazim di pautan ( <a href="https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/">https://www.hasil.gov.my/program-khas-pengakuan-sukarela-20/</a> ) b. Risalah / slaid berkeajaan Program Khas Pengakuan Sukarela di portal rasmi LHDNM > eduzone ( <a href="https://www.hasil.gov.my/eduzone/slaid-poster-percukaian/">https://www.hasil.gov.my/eduzone/slaid-poster-percukaian/</a> )
36.	Saya dh isi taksiran 2022 tetapi tersilap declare. Sy nk declare suami sbg oku tetapi tersilap isi diruangan diri sendiri (pembyr cukai)	Pelaporan pengakuan sukarela bagi tahun taksiran 2022 dalam tempoh PKPS 2.0 hanya terpakai kepada pembayar cukai baharu sahaja.
37.	Yang dah kena tindakan block passport boleh layak?	Pembayar cukai yang layak ialah: a. Pembayar cukai baharu yang belum pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM tetapi telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan. b. Pembayar cukai yang pernah melaporkan pendapatan kepada LHDNM dan mempunyai pendapatan / pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan. c. Pembayar cukai yang tidak melaporkan pelupusan aset. d. Pembayar duti yang mengemukakan dokumen / perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau



		sebelum 01 Mei 2023 untuk penyeteman mulai 06 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.
38.	For company that received Notice of Assessment (Form J) can join for the SVPD?  For WHT borne on behalf of tax resident, can join PKPS 2.0?	Mohon rujuk kepada jawapan soalan no.6.  Kenaikan cukai pegangan dibawah subseksyen 107A(2) / 109(2) / 109B(2) / 109F(2) ACP1967 yang dikenakan ke atas pembayar tidak termasuk dibawah peruntukan akta yang ditawarkan dalam PKPS 2.0.
39.	Tax payer has to submit a detail tax computation with details added back items, CA or just an simple excel tax computation. Any format of the tax computation?	Pengiraan cukai adalah penyata yang menunjukkan pelarasan pendapatan untuk mencapai pendapatan yang layak dikenakan cukai. Pelarasan cukai akan mengambilkira perbelanjaan tidak boleh dibenarkan untuk tujuan cukai.
40.	Taxpayer has to submit a detailed tax computation together with a CA schedule & notes to accounts or just a simple excel tax computation.	Pengiraan cukai adalah penyata yang menunjukkan pelarasan pendapatan untuk mencapai pendapatan yang layak dikenakan cukai. Pelarasan cukai akan mengambilkira perbelanjaan tidak boleh dibenarkan untuk tujuan cukai.
41.	If an existing tax payer during employment and taken VSS in 2016, should a person declare any income which less than 24k a year perform a tax declaration for doing own business?	
42.	Jika seorang pembayar cukai telah diberhentikan kerja dan sekarang menjalankan perniagaan kecil yg pendapatan kurang dr 24k setahun maka perlukah lagi dia membuat declaration dgn LHDN?	PKPS 2.0 ini hanya terpakai kepada pengakuan sukarela yang menyebabkan taksiran / taksiran tambahan dibangkitkan ke atas pembayar cukai kecuali bagi kes harga pindahan.
43.	Seseorang tu tidak bekerja tetapi mempunyai pendapatan sewa sebanyak RM1000 sebulan (1 tahun:	

	RM12 ribu) untuk beberapa tahun lepas, masih perlu declare tax untuk tahun tahun yang lepas?	
44.	Kalau terlambat hantar Borang C/E TT 2022 tetapi sudah dihantar, adakah dikenakan penalti atau perlu mohon PKPS 2.0 juga?	Pembayar cukai adalah layak menyertai PKPS 2.0 sekiranya pengakuan sukarela dibuat dalam tempoh PKPS 2.0 dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
45.	Saya penjawat awam, setiap bulan cukai dipotong dari gaji saya. Cuma saya tak pernah hantar borang cukai. Bolehkah saya memohon untuk rebate cukai dari tahun2 sebelum ini?	PKPS 2.0 ini memberi peluang kepada pembayar cukai untuk tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan dan pengiraan cukai yang tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira <b>kesemua</b> pendapatan yang boleh dikenakan cukai.  Pembayar cukai perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran yang berkenaan melalui perkhidmatan e-filing di portal MyTax.
46.	Saya ada cukai yang belum selesai contoh tahun 2018, kerana sebahagian dokument tidak dapat dijumpai. Apa yang perlu saya lakukan.	Pembayar cukai hendaklah memastikan pengakuan sukarela yang dibuat adalah tepat dan teratur selaras dengan ketetapan LHDNM yang sedang berkuat kuasa serta mengambil kira kesemua pendapatan yang boleh dikenakan cukai.
47.	Saya nak make sure PKPS 2.0 is for individual, sole proprietorship and partnership only or for corporate tax also. Because only corporate need Audit right	PKPS 2.0 ini ditawarkan kepada semua kategori pembayar cukai kecuali kategori fail majikan.